



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HJ. SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PECAH TANAH**  
**ION FORTE GREEN CITY**  
**@ AYER KEROH COUNTRY CLUB**  
**TARIKH:12 JANUARI 2021 (SELASA), MASA:9.30 PAGI**  
**DI AYER KEROH COUNTRY CLUB, MELAKA**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA, DAN SALAM  
MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,  
MENGAMIT DUNIA.**

**TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,**

**YANG BERHORMAT DATUK MUHAMMAD JAILANI BIN  
KHAMIS,  
EXCO PELANCONGAN, WARISAN DAN KEBUDAYAAN  
MERANGKAP Pengerusi AKCCB;**

**YANG BERHORMAT DATUK RAHMAD BIN MARIMAN,  
EXCO KESIHATAN DAN ANTI DADAH MERANGKAP  
Pengerusi MELAKA GOLF RESORT;**

**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI YAP NGAN CHOY,  
PENGASAS DAN PENGARAH URUSAN KUMPULAN NCT  
GROUP OF COMPANIES;**

**YANG BERBAHAGIA DATUK WIRA DR. IR. AHMAD  
ZAINI BIN MOHD AMIN,  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF AKCCB;**

**SETERUSNYA, DIF-DIF JEMPUTAN, WAKIL-WAKIL  
MEDIA,**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, HADIRIN HADIRAT  
YANG SAYA HORMATI;**

**MUKADIMAH**

1. Pertamanya, marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT, kerana pada hari ini, ketika wabak atau pandemik COVID-19 masih terus meningkat, kita masih lagi diberikan ruang dan kesempatan untuk sama-sama menghadiri **Majlis Pecah Tanah Ion Forte Green City di Ayer Keroh Country Club (AKCC)** ini yang dibangunkan oleh syarikat

pembangunan hartanah terkemuka, NCT Group of Companies.

2. Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak pemaju, NCT Group dan Ayer Keroh Country Club (AKCC), kerana telah berjaya menjalinkan satu perkongsian usahasama perniagaan, yang bagi saya cukup besar ertinya, untuk membangunkan projek pembangunan hartanah berprestij di negeri ini khususnya di Mukim Bukit Katil, Bandar Ayer Keroh ini.

3. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, kesediaan dan komitmen syarikat NCT Group untuk terus melaksanakan projek pembangunan mewah lagi prestij bersama-sama dengan AKCC, jelas menunjukkan keyakinan mereka untuk terus membantu memacu pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka, biarpun ketika ini, negeri Melaka ini, negara kita Malaysia, malah seluruh dunia masih lagi ‘berperang’ dengan penularan wabak COVID-19.
  
4. Saya begitu yakin dan percaya, melalui usahasama ini yang berbekalkan komitmen yang tinggi dan

kualiti kerja yang mantap antara pihak NCT dan AKCC, Inshaa Allah, apabila siap nanti projek pembangunan ini, ia bakal mengubah wajah baharu pembangunan hartanah di Negeri Melaka khususnya di AKCC ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Saya Hormati;

5. Semalam, saya telah menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2021 serta menyempurnakan pra-pelancaran “Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035”.



6. Di dalam ucapan itu, saya ada menekankan tentang tahun 2021 ini merupakan **Tahun Pelaksanaan**, atau dalam bahasa Inggerisnya, ***this year would be the year of execution or implementation***, di mana tiada lagi hanya sekadar perancangan semata-mata.
7. Saya mahu segala perancangan pada tahun ini mesti benar-benar dilaksanakan atau ***Get it done...*** bagi jadi...kasi jadi!
8. Begitu jugalah dengan pembangunan Ion Forte Green City yang bakal dibangunkan di sini. Sebelum ini,

tuan-tuan dan puan-puan telah bersama-sama merancanginya. ***Now... this is the time...*** inilah masanya... anda mesti pastikan perancangan ini, benar-benar dilaksanakan dan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan, agar akhirnya pembangunan projek ini dapat menyumbang semula kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka khususnya dalam sektor pembangunan hartanah mewah.

9. Justeru, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, kita amat berbesar hati, untuk mengalu-alukan

penglibatan dan usahasama oleh pihak NCT dalam pembangunan infrastruktur Ion Forte Green City di Ayer Keroh ini, yang bersifat mesra alam, seimbang dengan elemen alam sekitar, selaras dengan misi Kerajaan Negeri Melaka, Menuju Negeri Lestari, sekali gus membuatkan projek pembangunan hartanah ini menjadi sangat unik dan istimewa.

10. Bagi saya, pembangunan ini bukan sahaja bakal menyaksikan infrastruktur baharu di Melaka, malah memberi wajah baharu kepada infrastruktur sedia ada di AKCC yang juga bakal menyaksikan

pertumbuhan ekonomi besar dalam sektor pelancongan di Melaka.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian;

11. Saya yakin pembangunan Ion Forte Green City @ Ayer Keroh Country Club di kawasan pembangunan seluas 23 ekar, merangkumi 5 precincts, yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kediaman servis mewah, suite kesihatan, rumah kelab dan kompleks komersial, bakal menjadi mercu

tanda baharu di kawasan Ayer Keroh secara khusus, dan Negeri Melaka secara keseluruhan.

12. Saya juga percaya, projek yang dikendalikan oleh NCT Group sebagai syarikat pemaju hartanah yang cukup disegani di negara ini, mampu membuka mata pelabur dari dalam dan luar negara berdasarkan potensi jangka panjang pelaburan di Melaka. Bandar hijau ini turut dibina selaras dengan identiti hijau yang giat dipromosikan oleh kerajaan negeri.

13. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Melaka menaruh kepercayaan kepada NCT Group untuk membangunkan Ion Forte Green City berdasarkan sejarah kerja mereka, dalam mengendalikan pelbagai projek pembangunan yang mencabar, seperti;

- Membaik pulih projek terbiar yang terbesar di Malaysia iaitu di Salak Tinggi, Selangor dan Pahang, begitu juga;
- Semua rangkaian hotel-hotel yang gah di Genting Highlands.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian;

14. Konsep pembangunan Ion Forte Green City yang mempromosikan kehidupan hijau dengan persekitaran padang golf dan '*wellness tourism*' yang diketengahkan, memberi mereka perspektif baharu dalam kehidupan harian di Negeri Melaka.
15. Saya percaya bahawa projek pembangunan Ion Forte Green City bakal membawa banyak manfaat positif kepada ekonomi tempatan Negeri Melaka dan rakyat Melaka secara keseluruhannya.

## **PENUTUP**

16. Akhir kata, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada pihak pemaju NCT Group of Companies dan Ayer Keroh Country Club atas usahasama yang dijalankan pada hari ini.
  
17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pecah Tanah Ion Forte Green City pada hari ini.



Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.